

Kepengerusian ASEAN 2025

Indonesia nyata hasrat bantu Malaysia: Anwar

Dua negara
mahu tingkatkan
perdagangan,
pelaburan serta
tangani masalah
berbangkit

Oleh Mahanum Abdul Aziz
dan Mohd Zaky Zainuddin
bhnews@bh.com.my

Sepang: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Indonesia telah menyatakan komitmen untuk membantu dan memberi kerjasama kepada Malaysia dalam Kepengerusian ASEAN tahun ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata perkara itu dinyatakan Presiden Indonesia, Prabowo Subianto pada pertemuan tertutup ketika majlis makan tengah hari yang diadakan di ibu negara, semalam.

"Kunjungan rasmi Prabowo pada 27 Januari ini, tetapi beliau rasa nak datang (semalam) kerana kita sahabat lama dan kita perlu berbincang dari hati ke hati isu bersama. Hasrat beliau untuk bekerjasama serta membantu saya dalam Kepengerusian ASEAN," katanya.

BERNAMA melaporkan, beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengiringi Prabowo berlepas pulang ke Indonesia selepas tamat lawatan kerja sehari ke Malaysia.

Menerusi catatan di Facebook, Anwar berkata, mereka antara lain membincangkan isu perbatasan, pengambilan tenaga kerja, kordinasi hal nelayan di kawasan pertikaian Selat Melaka, perdagangan, pelaburan, ekonomi, sosiobudaya, pertahanan dan keselamatan.

"Hari ini (semalam) saya meraikan kehadiran sahabat baik saya, Presiden Prabowo yang dalam lawatan kerja rasminya ke negara ini. Ini kunjungan pertama beliau ke Malaysia sejak dilantik sebagai presiden pada Oktober 2024.

"Dalam satu jamuan makan tengah hari tertutup di Rumah Tangsi, kami sempat berbicara dan berdiskusi pelbagai perkara penting dalam mempererat hubungan bilateral kedua negara



Prabowo bersalaman dengan Anwar sebelum berlepas pulang ke Indonesia di KLIA, semalam. (Foto BERNAMA)

berjiran ini.

"Ruang lingkup singkat dan bermakna ini kami manfaatkan sepenuhnya bagi terus mempererat hubungan erat yang terjalin selama ini. Insya-Allah, saya percaya, sinergi pertemuan ini akan digunakan bagi meneroka peluang baharu untuk dimanfaatkan demi masa depan lebih baik untuk kedua-dua negara," katanya.

Malaysia secara rasmi memegang jawatan Pengerusi ASEAN bermula bulan ini dengan tema 'Kepimpinan ASEAN 2025 Malaysia adalah 'keterangkuman dan Kelestarian'. Sebelum ini Malaysia memegang jawatan Pengerusi ASEAN pada 1977, 1997, 2005 dan 2015.

Anwar berkata, semasa pertemuan tidak rasmi itu, mereka turut berbincang mengenai hubungan dua hala, khususnya bagi meningkatkan hubungan perdagangan, pelaburan, kerjasama perbatasan serta beberapa isu berbangkit.

"Tentunya pertemuan ini lebih banyak (perbincangan) tidak rasmi. Kedua-dua kami berasa harus dilakukan sesuatu yang lebih untuk meningkatkan hubungan perdagangan, pelaburan, kerjasama perbatasan serta menyelesaikan beberapa masalah berbangkit," katanya.

Kukuh kerjasama serantau

Terdahulu, Anwar pada Forum Ekonomi Malaysia 2025, berkata Malaysia memulakan tahun 2025 sebagai Pengerusi ASEAN dengan mengukuhkan kerjasama serantau dan antarabangsa, menerusi lawatan ke negara ini oleh

pemimpin Singapura, Indonesia dan Jepun.

Beliau berkata, Kepengerusian ASEAN adalah satu kesempatan untuk negara membina kekuatan bersama negara anggota serantau dalam semua aspek yang akan memanfaatkan bukan sahaja Malaysia, tetapi juga negara rakan di rantau ini.

Katanya, 2025 dimulakan dengan lawatan Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong, yang menyaksikan pelancaran 'Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), yang menjadi kekuatan untuk Johor dan Singapura dan kawasan sekitarnya.

"Kunjungan Presiden Indonesia, Prabowo Subianto. Usaha kami untuk memastikan Indonesia-Malaysia bekerjasama meningkatkan kekuatan ekonomi.

"Antaranya ialah kerjasama syarikat utama Indonesia dan Khazanah Nasional Bhd termasuk dalam bidang digital, yang kita tekankan sebagai transformasi digital," katanya.

Seterusnya, Anwar berkata, Perdana Menteri Jepun, Shigeru Ishiba tiba semalam dengan beberapa isu akan dibincangkan, antaranya pelaburan, perdagangan dan peralihan tenaga, termasuk rancangan menjadikan Sarawak hab tenaga baharu di Asia Tenggara.

Disember lalu, katanya, beliau turut mengadakan pertemuan dengan bekas Perdana Menteri Thailand, Dr Thaksin Shinawatra di Langkawi bagi membincangkan kerja-kerja sempena Kepengerusian ASEAN Malaysia tahun ini.